

30 OCT 2000

Chong-Pelancong

SABAH YAKIN CAPAI SASARAN 400,000 PELANCONG

KOTA KINABALU, 30 Okt (Bernama) -- Sabah yakin dapat mencapai sasaran 400,000 ketibaan pelancong asing tahun ini walaupun insiden penculikan di pulau pelancong Sipadan dan Pandanan, kata Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Negeri Datuk Chong Kah Kiat hari ini.

Beliau berkata pencapaian itu jauh lebih baik daripada sasaran tahun lepas sebanyak 320,000 ketibaan pelancong ke negeri itu.

Bagaimanapun, kerajaan negeri mungkin tidak dapat mencapai sasaran 512,000 ketibaan pelancong sempena Kempen Tahun Melawat Sabah 2000, katanya.

"Buat sekarang, kita masih mengharapkan ini akan dapat dicapai, kita mungkin tidak dapat mencapainya tetapi tidak akan ketinggalan jauh daripada sasaran, kita akan mencapai 400,000 ketibaan pelancong asing."

"Kita sebenarnya boleh mencapai sasaran itu jika tidak insiden malang di Sipadan dan Pandanan. Kita hanya kekurangan 100,000 ketibaan," kata beliau kepada pemberita selepas membuka kedai Sugarbun cawangan Kampung Air, di sini, hari ini.

Chong berkata bagi tahun depan, Kerajaan Negeri akan menumpukan pada pasaran pelancong domestik dan serantau untuk mempertingkatkan ketibaan pelancong.

"Ini keutamaan nombor satu kami. Selain itu, kami juga akan meningkatkan usaha untuk menggamit pelancong dari negara-negara serantau seperti Brunei, Singapura, Filipina dan Indonesia," katanya.

Ditanya sama ada dua insiden penculikan di pantai timur Sabah sedikit sebanyak menjejaskan industri pelancongan, beliau berkata: "Kami sangat yakin yang kehidupan akan kembali seperti sedia kala dan pada tahun depan kami menjangka lebih banyak ketibaan pelancong bukan sahaja ke pulau-pulau itu tetapi juga ke Sabah".

Sebelum itu dalam ucapannya, Chong menyeru syarikat-syarikat Malaysia, khususnya dari Sabah untuk bersaing di platform global.

Mereka juga harus mempertimbangkan dengan serius format perniagaan Francais untuk mengembangkan perniagaan mereka di peringkat antarabangsa, katanya.

Beliau berkata, kejayaan Sugarbun, yang mempunyai 12 kedai di seluruh Sabah, selaras dengan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk "Bina, Sokong dan Beli Jenama Malaysia" dan menyokong francais milik Malaysia bermakna membawa lebih banyak pendapatan dari luar negara.

-- BERNAMA

NT PR